

BERKONGSI KEGEMBIRAAN SYAWAL ZAHIR KESYUKURAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

(Surah Al-Baqarah, ayat: 152)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sungguhpun puasa Ramadan yang menjana sifat taqwa kepada Allah SWT telah berlalu pergi, namun kita perlu terus berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada-Nya. Kita hendaklah terus istiqamah melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ia sebagai upaya mencapai darjat taqwa yang sebenar-benarnya di sisi Allah SWT sekali gus beroleh kejayaan. Ini selaras dengan anjuran Allah SWT melalui firman-Nya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan." (S. Al-Maa'idah: 35).

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG MULIA,

Kini kita sudah pun berada di bulan Syawal yang mulia. Sepanjang bulan Syawal ini kita raikan Aidilfitri sebagai lambang pencapaian diri sepanjang Ramadan berkat tarbiah rohaniah dan jasmaniah yang menjadikan insan Muslim kembali fitrah, suci bersih dari segala dosa ibarat bayi yang baru dilahirkan.

Meraikan Aidilfitri sebagai tanda kesyukuran di atas perubahan diri untuk melakukan kebaikan dan menghindarkan kemungkaran. Perubahan yang berlaku diharapkan membawa kepada peningkatan dalam amal dan timbul keazaman untuk melakukan kebaikan yang berterusan. Kerana hakikatnya, kualiti kehidupan seseorang Muslim harus ada peningkatan dari hari ke hari bagi mengelak daripada menjadi orang yang tercela dan terpedaya.

Justeru, umat Islam sepanjang merai Aidilfitri ini adalah untuk menyemai kasih sayang sesama manusia sekali gus membenam segala sifat *mazmumah* yang mengotori hati seperti hasad, prasangka, benci, dendam kesumat dan sebagainya. Ia kita abadikan melalui penganjuran rumah-rumah terbuka Aidilfitri yang menyemarak amalan ziarah menziarahi dan saling maaf memaafkan antara satu sama lain. Ia memberi ruang kepada umat Islam mengeratkan silaturrahim, berkenal-kenalan, meraikan jemputan dan membolehkan rasa persaudaraan dibina melalui amalan bersalam-salaman dan ucapan **“Selamat hari raya, maaf zahir dan batin”**.

KAUM MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Perasaan syukur dan kesediaan untuk berkongsi kegembiraan dengan saudara-mara, sahabat-handai, jiran tetangga dan golongan kurang bernasib baik melalui penganjuran rumah terbuka adalah antara kesan benih taqwa yang disemai oleh puasa Ramadan. Ini kerana, majlis yang diadakan itu dapat mengeratkan lagi silaturrahim dan persaudaraan sesama Muslim selain mengukuhkan kesedaran yang sedalam-dalamnya akan kehadiran Allah SWT dalam setiap saat kehidupan.

Malah, penganjuran majlis rumah terbuka yang diseri dengan amalan berziarah sambil bermaaf-maafan dan menikmati rezeki Allah SWT yang dihidangkan juga laksana menyemarak dan meninggikan syiar Islam. Ini adalah kerana berbelanja untuk mengeratkan persaudaraan dan sifat memaafkan kesalahan orang lain adalah ciri orang bertaqwa hatta sangat dianjurkan oleh Islam.

Firman Allah SWT:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ
فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيمِ وَالْغِيظِ وَالْأَعْفَابِ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

Maksudnya: "Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas seluruh langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertakwa. Iaitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang yang menahan kemarahannya, dan orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang yang berbuat perkara-perkara yang baik." (S. Ali-Imran: 133-134).

Sehubungan dengan firman Allah SWT tersebut, adalah jelas bahawa menafkahkan harta pada jalan Allah SWT dan bermaaf-maafan menjadi amalan yang sangat bernilai dan penting dalam kehidupan manusia. Dan bulan Syawal membuka jalan berkongsi kegembiraan dengan masyarakat sekali gus membuka jalan kepada mereka yang diberi Allah kelebihan rezeki untuk berbakti kepada golongan tidak berkemampuan. Ini bermakna, Syawal adalah bulan untuk menguatkan kepedulian terhadap masyarakat menerusi iltizam dan pengorbanan untuk manusia lain melalui amalan infaq atau sedekah.

SIDANG JEMAH YANG BERBAHAGIA,

Dengan membelanjakan harta pada jalan Allah SWT, kita bukan sahaja dapat menyucikan harta kita yang mungkin mengandungi unsur haram atau syubhah, malah ia dapat dimanfaatkan oleh mereka yang memerlukan. Allah SWT akan menggantikan apa jua yang kita dermakan untuk kemaslahatan ummah dan melipatgandakan pahalanya seperti mana firman-Nya:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Yang bermaksud: “Bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, Dan Allah Maha Luas kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.” (S. Al-Baqarah: 261).

Melalui firman-Nya ini, Allah SWT menjelaskan bahawa sesiapa yang ikhlas mendermakan atau membelanjakan hartanya pada jalan yang diredai-Nya, pasti akan diganjar pahala yang berlipat kali ganda banyaknya. Jadi, ayat ini menyeru kita semua supaya berlumba-lumba melakukan amal kebajikan seperti membantu anak-anak yatim, membantu orang yang ditimpa musibah, meringan penderitaan orang fakir, miskin dan sebagainya menurut cara dan kemampuan masing-masing.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Di Syawal ini kita hidupkan amalan bermaaf-maafan antara satu sama lain. Ia berlaku di kalangan sanak saudara yang dekat dan jauh, sahabat-handai, jiran tetangga dan sebagainya. Amalan ini dapat menyuburkan lagi konsep kembali kepada fitrah dan kebersihan, suci dari pencemaran dosa dan kesilapan dengan Allah SWT dan sesama insan pada Aidilfitri.

Oleh hal yang demikian, amalan merai dan menghormati tetamu pada bulan Syawal ini dengan menjamu mereka menurut kadar kemampuan dan amalan bermaaf-maafan harus diamal sepanjang masa. Melalui amalan ini kita dapat mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, terutama di kalangan umat Islam.

Ketahui bahawa sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengurangi harta seseorang yang suka bersedekah dan akan menambah kemuliaan Seseorang yang pemaaf. Ini sebagaimana Hadith daripada Abu Hurairah RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda: “Sedekah tidak akan mengurangi harta seseorang. Seseorang yang pemaaf, Allah menambahkan kemuliaan baginya. Dan seorang yang tawaduk (merendahkan diri) kepada Allah, maka Allah menaikkan darjatnya.” (HR Muslim).

Maka, sama-samalah kita lestarikan amalan berinfaq dan maaf memaafkan agar ia menjadi tradisi yang berakar umbi dalam kehidupan bermasyarakat. Anak-anak kita wajar dididik agar suka memberi dan memaafkan kerana ia adalah kaedah terbaik melentur nurani mereka menjadi manusia berakhlak mulia.

PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Memang manusia disuntik dengan rasa pelbagai macam keinginan terhadap dunia. Maka untuk mengawalinya, manusia perlu dididik tentang wujudnya sesuatu yang lebih baik daripada kesemua rasa kecintaan dunia, iaitu apa yang disediakan di akhirat itu adalah lebih sempurna dan abadi. Inilah rasionalnya kita dituntut supaya turut mengimarah bulan Syawal ini dengan puasa enam yang ganjarannya adalah pahala puasa laksana setahun penuh.

Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW menerusi sabdanya yang bermaksud: “Barang siapa yang berpuasa di bulan Ramadan kemudian mengiringinya dengan berpuasa enam hari dalam bulan Syawal, maka puasanya itu adalah menyamai setahun penuh.” (HR Muslim).

Ini bererti puasa sebulan Ramadan yang dikerjakan sama dengan sepuluh bulan. Manakala puasa enam hari dalam bulan Syawal sama dengan dua bulan. Hakikat ini dapat kita sandarkan kepada firman Allah SWT:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

Yang bermaksud: “Barang siapa yang membawa amal yang baik maka baginya (pahala) sepuluh kali ganda amalnya dan barang siapa yang membawa perbuatan yang jahat, maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan perbuatannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan).” (S. Al-An’am: 160).

Jelas di sini bahawa meskipun puasa enam hari dalam bulan Syawal adalah sunat sahaja, namun ganjaran melaksanakannya amatlah besar dan bermakna dalam rangka menambah saham akhirat. Ganjaran besar ini tidak diberikan dalam sepuluh bulan yang lain yang menjadikan Syawal begitu istimewa bagi muslim yang suka beramal khususnya puasa.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sebagai kesimpulannya, sayugianya kita jadikan Syawal sebagai masa yang terbaik untuk berkongsi kegembiraan dengan orang lain melalui penganjuran rumah terbuka. Ia penting kerana majlis rumah terbuka boleh menjadi penghubung yang bermakna sesama umat dalam mengukuhkan ikatan persaudaraan dan persahabatan melalui amalan ziarah. Malahan penganjuran rumah terbuka juga merupakan satu cara menzahirkan rasa syukur atas segala nikmat kurniaan Allah SWT yang meliputi rezeki, kesempatan melaksanakan puasa Ramadan dan kesempatan bersua serta bermaaf-maafan dengan sanak-saudara, sahabat-handai, rakan-taulan, jiran tetangga dan sebagainya. Dan amalan bersyukur sangatlah dituntut kerana ia mengundang tambahan nikmat dari Allah SWT:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: “Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberi tahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.” (S. Ibrahim: 7).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah